

Syarikat pemula guna AI cegah nahas di tempat kerja



MENGGUNAKAN AI UNTUK MENGESAN PELANGGARAN KESELAMATAN:

Encik Vishnu memberikan demonstrasi kepada Presiden Halimah Yacob bagaimana perisian Invigilo Safekey boleh digunakan di tapak pembinaan. – Foto BH oleh GAVIN FOO

MEMPUNYAI saudara-mara dan rakan yang telah mengalami kecederaan serius di tempat kerja mendorong pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Invigilo Technologies, Encik Vishnu Saran, membangunkan Invigilo Safekey – perisian yang membantu menghalang dan mengesan pelanggaran keselamatan di tempat kerja.

Encik Vishnu yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Bahan dan Kejuruteraan daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 2019, menubuhkan Invigilo Technologies, sebuah syarikat pemula (*start-up*) berdaya teknologi tempatan pada 2020.

Menurut Encik Vishnu, beliau ingin membina produk yang boleh digunakan oleh orang ramai terutama sekali dalam bidang keselamatan di tempat kerja.

“Bidang keselamatan dalam tempat kerja adalah satu industri yang besar tetapi ia masih kekurangan dari segi penggunaan teknologi dan ia mempunyai ruang yang besar untuk pertumbuhan bagi syarikat saya dalam industri ini,” kata beliau.

Syarikatnya menawarkan penyedia penyelesaian analisis video Kecerdasan Buatan (AI) yang menganalisis dan memproses rakaman video daripada industri yang berbeza seperti tapak pembinaan dan perkilangan serta limbungan kapal, untuk mencegah kemalangan di tempat kerja.

Contohnya, perisian Invigilo Safekey menggunakan kamera sedia ada di tapak pem-

binaan dan mengesan menggunakan AI pelanggaran keselamatan seperti pekerja yang tidak menggunakan topi keledar keselamatan atau jaket keselamatan.

Mereka akan memberi amaran dalam masa nyata di dalam aplikasi web atau pun melalui aplikasi Telegram kepada pasukan pengurusan keselamatan.

Para pengguna juga boleh mendapatkan cerapan dan maklumat risikan keselamatan serta laporan keselamatan serta audit bulanan untuk digunakan pasukan pengurusan keselamatan meningkatkan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (WSH) serta produktiviti dan kualiti di tempat kerja mereka.

“Matlamatnya ialah untuk menggunakan teknologi bagi menambah ‘mata’ pada setiap masa dalam mengawasi tempat bekerja dan menggunakan data yang dijana oleh Invigilo Safekey untuk memberikan kesedaran yang lebih besar serta memaklumkan keperluan tindakan pembetulan.

“Ini akan membolehkan pasukan pengurusan keselamatan syarikat itu mengambil langkah memperbaiki persekitaran tempat kerja melalui intervensi awal dan ini akan mencegah kemalangan dan menyelamatkan nyawa para pekerja terutama sekali pada aktiviti yang berisiko tinggi,” ujar Encik Vishnu.

Beliau turut menyatakan bahawa sekitar 10 organisasi dalam sektor pembinaan dan perkilangan, termasuk Jurong Town Corporation (JTC) dan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) yang kini menggunakan perisian Invigilo Safekey.

Presiden Halimah Yacob yang melawat Invigilo Technologies di Ayer Rajah Crescent kelmarin bagi sesi demonstrasi prototaip dan sumber pelayan atau ‘server’ Invigilo Technologies. Puan Halimah memuji usaha syarikat itu bagi meningkatkan keselamatan tempat kerja melalui penyelesaian keselamatan yang inovatif dan teknologi berasaskan tingkah laku.

“Setiap syarikat mempunyai tanggungjawab memastikan keselamatan para pekerja di tempat kerja kerana mereka bekerja mencari rezeki bagi diri sendiri, keluarga dan mereka harus pulang dalam keadaan yang baik. Saya berharap lebih banyak syarikat akan menggunakan penyelesaian yang berkesan bagi mencegah kemalangan di tempat kerja dan memastikan tempat kerja yang lebih selamat untuk semua,” ujar beliau.

Pada awal bulan lalu, syarikat-syarikat telah digalakkan melaksanakan tempoh tenang keselamatan atau ‘safety time-out’ (STO) bagi menyemak pengurusan WSH dan belajar dari kejadian lampau akibat bilangan kematian di tempat kerja yang mencapai 10 kejadian April lalu.

STO telah dilaksanakan oleh firma bagi tempoh dua minggu di mana pengurusan akan mengambil tempoh bertenang dan berinteraksi dengan pekerja serta kesatuan sekerja dalam mengukuhkan proses WSH dan bertindak atas sebarang isu yang dibangkitkan.